



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

PBT.KEDAH.GOV.MY

NOTIS PELAWAAN



مجلس بلدية آلو ستار
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

TAWARAN MENGURUS SATU (1) ACARA LARIAN ALOR SETAR FULL/HALF MARATHON MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) UNTUK TAHUN 2024

NO. SEBUTHARGA: MBAS/BBK/RFP/02/2024

1. Tawaran ini terbuka kepada orang ramai dan pengusaha yang berpengalaman dan berminat untuk mengurus acara Larian Full Marathon dan Half Marathon Majlis Bandaraya Alor Setar. Sehubungan itu, adalah dipelawa individu atau syarikat yang berminat untuk mengemukakan kertas cadangan "Request For Proposal" (RFP) bagi pengurusan acara di atas.

TARIKH IKLAN
18 FEBRUARI 2024 HINGGA 10 MAC 2024





MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

PBT.KEDAH.GOV.MY

**TAWARAN MENGURUS SATU (1) ACARA LARIAN
ALOR SETAR FULL/HALF MARATHON
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) UNTUK TAHUN 2024**



مجلس بلدية آلو ستار
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

2. Tempoh notis pelawaan cadangan ini adalah seperti berikut:

Tarikh iklan	: 18 FEBRUARI 2024
Tarikh tutup iklan	: 10 MAC 2024
Tarikh tutup penghantaran dokumen	: 10 MAC 2024 (Jam 12.00 tengahari)
Alamat premis	: Majlis Bandaraya Alor setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah.
Skop kerja	: Mengurus acara Alor Setar Full/Half Marathon 2024.
Harga dokumen RFP	: RM 50.00 (Sebarang bentuk tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).
Tarikh dokumen dijual	: 18 FEBRUARI 2024
Caj untuk penyertaan minima	: RM 5.00/ satu penyertaan/pax

3. Pelawaan kepada Syarikat diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
4. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221305 / 221507 atau berdaftar dengan mana-mana Badan yang diiktiraf kerajaan.
5. Pemohon atau wakil yang sah sahaja hendaklah mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dan menyerahkan satu salinan untuk simpanan Majlis Bandaraya Alor Setar.





MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

PBT.KEDAH.GOV.MY

**TAWARAN MENGURUS SATU (1) ACARA LARIAN
ALOR SETAR FULL/HALF MARATHON
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) UNTUK TAHUN 2024**



مجلس بلدية آلو ستار
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

6. Membeli dokumen dan seterusnya berdaftar pembekal dan kontraktor dengan Majlis Bandaraya Alor Setar serta perlu mengemukakan salinan resit berkaitan dalam dokumen permohonan.
7. Pemohon tidak mempunyai apa-apa tunggakan dengan Majlis Bandaraya Alor Setar dan tidak diisytihar muflis.
8. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.
9. Syarikat perlu menyediakan Lembaran Imbangan Akaun Syarikat bagi tahun terkini atau Penyata Akaun Bank Syarikat 6 Bulan terkini dengan pengesahan pegawai Bank.
10. Syarikat dipelawa mengemukakan tawaran untuk mengurus acara yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - i. Profil Syarikat
 - ii. Pengalaman pengendalian acara
 - iii. Cadangan pelaksanaan acara
11. Pemohon yang berminat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mempunyai maklumat yang lengkap dan wajib mengikut garis panduan penyediaan kertas cadangan seperti di Borang A dan boleh didapati di:

**Bahagian Bekalan Dan Kontrak,
Tingkat 8, Menara City Plaza,
Jalan Kolam Air, Alor Setar,
Kedah Darul Aman.**





MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

PBT.KEDAH.GOV.MY

**TAWARAN MENGURUS SATU (1) ACARA LARIAN
ALOR SETAR FULL/HALF MARATHON
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) UNTUK TAHUN 2024**



مجلس بلدية آلو ستار
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

12. Syarikat perlu mengambil borang tersebut sebagai panduan utama bagi cadangan syarikat. Hal ini akan dinilai oleh MBAS bagi setiap cadangan yang dikemukakan.
13. Syarikat perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - i. Modal berbayar sekurang-kurangnya **RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja)**
14. Kertas cadangan penganjuran acara yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. sebutharga **MBAS/BBK/RFP/02/2024** Kertas cadangan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat **Jabatan Kewangan, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah** selewatnya pada **10 MAC 2024**.
15. Pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
16. Maklumat lanjut boleh menghubungi, **Bahagian Pelancongan Sukan Dan Kebudayaan, MBAS** di talian **04-7349580**.

